

UPM anjur Applied Informatics International Conference 2024, perluas bidang informatik terapan

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim

Foto Oleh: Muhammad Nur Zairi Mohd Nazari



SERDANG, 9 Oktober – Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini telah menganjurkan Applied Informatics International Conference 2024 bagi memperluaskan penyelidikan dalam bidang informatik terapan.

Program yang bertemakan "Leveraging on Artificial Intelligence and Emerging Technologies in Applied Informatics" itu memperkenalkan teknologi kecerdasan buatan (AI) terkini, mengenal pasti corak dan membuat ramalan untuk memperluaskan bidang penyelidikan dan inovasi ke tahap antarabangsa serta memperkukuhkan ekosistem inovasi tempatan.

Ketua program, Prof. Madya Ts. Dr. Yusmadi Yah Jusoh berkata, program ini mengumpulkan pakar-pakar untuk berkongsi dan bertukar dapatan kajian, terutamanya dalam bidang informatik terapan, bagi menangani cabaran dan mencari peluang berkaitan teknologi AI.

"Peserta juga dapat membina jaringan kerjasama yang lebih kukuh antara universiti dan pelbagai industri bagi membuka peluang untuk inovasi yang dapat membawa kepada penciptaan produk dan perkhidmatan baharu," katanya.



Sementara itu, Dekan FSTM, UPM, Prof. Dr. Dato' Shamala K. Subramaniam

berkata, penyelidikan informatik terapan adalah bersifat disiplin yang memberi penekanan kepada bidang sistem maklumat (IS) dan aplikasi teknologi maklumat (IT).

“Contohnya, dengan menggunakan kecerdasan buatan (AI) dan analisis data ini dapat membantu atlet mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka, serta memperbaiki teknik dan strategi latihan yang dapat memberi manfaat kepada komuniti terlibat dan masyarakat.

“Jadi, pihak kerajaan boleh merangka dasar dan strategi yang lebih baik untuk pembangunan sukan di negara merujuk kepada bukti dan analisis yang tepat serta boleh meningkatkan prestasi atlet dalam pertandingan antarabangsa, sekaligus membina reputasi yang lebih baik dalam arena sukan global,” katanya.




Berita Lain...



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar



[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)



Pakar getah antarabangsa kongsi hala tuju industri getah mampan di Putra Plantation Forum 15

[Baca lagi »](#)



UPM Raih Naib Johan Anugerah Tenaga ASEAN 2025

[Baca lagi »](#)



Program Mobiliti Outbound Perkukuh Jalinan UPM–UNHAS

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

2025

2024

2023

2022

2021

2020

2019

2018

2017



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia

